

16/12/1998

Balai dihubungkan menerusi komputer

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Semua balai polis di Lembah Klang yang dilengkapi komputer, akan dihubungkan menerusi Sistem Maklumat Pusat Kawalan (SMPK) di Ibu Pejabat Polis Kontinjen negeri mulai tahun depan bagi memudahkan perhubungan dan tindakan apabila berlaku kejadian jenayah.

Polis juga dijangka menggunakan Automatic Vehicle Locating System (AVLS) dan Global Positioning Satellite (GPS) bagi mengesan kedudukan kereta peronda serta kenderaan yang dicuri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali, berkata penggunaan peralatan canggih itu adalah sebahagian program pengkomputeran pasukan polis dan pelaksanaan Sistem Arahan, Kawalan, Penyelarasan, Maklumat dan Risikan yang dikenali sebagai C4I membabitkan peruntukan kira-kira RM200 juta.

Menurutnya, Malaysia yang akan menjadi sebuah negara maju, perlu mempertingkatkan kecekapan pasukan polis dengan menggunakan peralatan canggih.

"Sebagai permulaan, ia akan dimulakan di Lembah Klang tahun depan sebelum diperluaskan ke seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Forum 'Keselamatan Rumah Ke Arah Persekitaran Yang Lebih Baik' anjuran Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) di sini, hari ini. Hadir sama, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamaruddin Ali.

Ketika ini, polis peronda sedang menguji penggunaan Terminal Data Tanpa Wayar atau komputer genggam untuk mengesan kesalahan yang dilakukan pemandu atau penjenayah dengan memasukkan data peribadi.

Sementara itu, Tajol Rosli meminta pemaaju perumahan dan pemilik unit kediaman bekerjasama memasang Sistem Pemantauan Berpusat (CMS) bagi membantu polis mencegah jenayah.

Menurutnya, menerusi CMS pencegahan jenayah seperti pecah rumah boleh dilakukan oleh syarikat kawalan keselamatan, sekali gus membolehkan polis menumpukan tugas membanteras jenayah lain.

Sebagai permulaan, sebuah taman perumahan di Bandar Utama Damansara dipasang CMS sebelum dilaksanakan secara menyeluruh.

"Tugas membanteras jenayah bukan tanggungjawab polis sahaja, sebaliknya memerlukan komitmen dan sokongan masyarakat," katanya sambil meminta masyarakat menanggung sedikit kos jika CMS dipasang di kediaman masing-masing.

YPJM menjadikan pemasangan CMS di kawasan perumahan sebagai agenda yayasan itu tahun ini selepas cadangan berkenaan mendapat kelulusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Menteri Dalam Negeri.

Yayasan itu bertindak demikian berikutan kes pecah rumah semakin meningkat di seluruh negara. Pada 1997, 29,360 kes pecah rumah dan curi dilaporkan berbanding 22,828 pada 1996, peningkatan 6,532 kes atau 28.6 peratus.

Mengenai warga asing menggunakan pasport Malaysia untuk ke negara ketiga, Tajol Rosli berkata kejadian itu berlaku kerana dokumen perjalanan negara ini sangat bernilai.

Menurutnya, sebagai sebuah negara Komanwel dan Asean, pemegang pasport Malaysia diberi beberapa pengecualian untuk memasuki negara tertentu, seperti tidak perlu memohon visa.

(END)

